# KL banjir kilat lagi

Hujan lebat hampir dua jam menyebabkan sembilan lokasi di sekitar ibu negara ditenggelami air

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

KUALA LUMPUR

Hujan lebat sejak jam 10.30 pagi dan berterusan hampir dua jam pada Rabu menyebabkan beberapa laluan di sekitar ibu negara dinaiki air.

Menerusi Facebook Polis KL memaklumkan, setakat jam 12.20 tengah hari, sebanyak sembilan lokasi terjejas iaitu Jalan Sultan Azlan Shah dari arah Jalan Ipoh, Jalan Imbi ke arah Jalan Sultan Ismail, Jalan Ipoh/Jalan Rahmat, Jalan Sultan Ismail/ Ampang dan Jalan Kampar off Jalan Sentul.

Menurut kenyataan itu, lokasi lain turut terjejas ialah Bulatan Dato, Kampung Periuk, Jalan Duta Mas dan Jalan Ampang serta Jalan Dang Wangi.

Ketua Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Sarifudin Mohd Salleh berkata, pihaknya dan petugas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertungkus-lumus mengawal lalu lintas dan melakukan kerja-kerja mengeluarkan air di beberapa lokasi di sekitar ibu kota.

"Seramai 60 pegawai dan anggota JSPT Kuala Lumpur berada di lokasi dinaiki air sejak pagi tadi (Rabu)," katanya.

Sarifudin berkata, hujan lebat menyebabkan banjir selama 30 minit di Jalan Ampang berhampiran KLCC berikutan saluran longkang tersumbat," katanya.

Menurutnya, antara laluan yang dilaporkan dinaiki air disebabkan saluran air yang tersumbat adalah di Jalan Ampang dan Jalan Dang Wangi.

"Berdasarkan pemantauan kita mendapati air naik sehingga 0.6 meter namun keadaan kini terkawal," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Noor Dellhan Yahaya memaklumkan, tiada kemalangan jiwa dilaporkan berlaku semasa hujan lebat di sekitar Kuala Lumpur.

"Sehingga jam 1.30 petang air di semua kawasan yang mengalami banjir telah surut selepas hujan mula reda," katanya.

Beliau berkata, terdapat lapan lokasi *hotspot* yang sering berlaku banjir diberikan perhatian serius sebaik hujan lebat melanda Kuala Lumpur," katanya.



Anggota polis trafik mengawal lalu lintas di lokasi banjir sekitar ibu kota pada Rabu.



Petugas DBKL membersihkan saluran yang tersumbat di Jalan Besar Kepong.



Para petugas DBKL bersama jentera bertungkus-lumus mengalihkan air bertakung dan kawalan lalu lintas di Jalan Dutamas.



Anggota polis memantau lokasi *hotspot* yang sering berlaku banjir di ibu kota pada Rabu.

## Pelajar cedera kena renjatan elektrik ketika banjir di Sekinchan



Lokasi mangsa terkena renjatan elektrik di Giat Mara Sekinchan dalam kejadian banjir kilat pada petang Rabu.

SEKINCHAN - Seorang pelajar lelaki cedera apabila terkena renjatan elektrik di Giat Mara Sekinchan di sini selepas institusi kemahiran itu dilanda banjir kilat pada petang Rabu.

Kejadian kira-kira jam 2 petang itu berlaku selepas mangsa berusia 19 tahun memegang sebuah corong peniup di kawasan berkenaan.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada seorang guru pada jam 2.08 petang.

Norazam berkata, pemeriksaan mendapati pelajar berkenaan tidak sedarkan diri akibat terkena renjatan elektrik.

"Mangsa dihantar ke Hospital Tanjong Karang untuk menerima rawatan lanjut.

"Kami telah menjalankan pemeriksaan menyeluruh dan meminta pihak pengurusan premis menutup semua bekalan elektrik," katanya.

Bagaimanapun, katanya, tiada kemalangan jiwa lain dilaporkan dan keadaan kembali terkawal.

Hujan lebat lebih dua jam menyebabkan beberapa kawasan di Sekinchan dilanda banjir kilat pada Rabu.

Ahli Majlis Daerah Sabak Bernam, Noor Sulisiah Ampira Wani Miswan Alwi berkata, beberapa premis perniagaan di Pekan Sekinchan sudah digenangi air sejak jam 1 petang.

Selain itu menurutnya, beberapa rumah penduduk di sekitar Pekan Sekinchan turut dimasuki air.

"Hujan berterusan menyebabkan beberapa kawasan di Sekinchan mula dilimpahi air, bagaimanapun keadaan terkawal," katanya.

Mengulas lanjut, Noor Sulisiah berkata, kawasan perumahan yang turut terkesan dalam kejadian banjir kilat itu ialah di Taman Sekinchan Jaya dan Taman Indah.

"Air naik terlalu cepat dan sukar dijangka. Ini merupakan kejadian banjir kilat terburuk pernah dialami di sini," jelasnya.

Sementara itu, pemilik akaun Facebook turut memuat naik video dan situasi banjir yang melanda beberapa kawasan di Sekinchan.

Menerusi satu rakaman video memperlihatkan keadaan jalan di kawasan lampu isyarat Pekan Sekinchan yang menyebabkan beberapa kenderaan terpaksa meredah banjir kilat.

Malah, menerusi rakaman itu terdapat sampah turut dihanyutkan banjir.

# Ibu negara dilanda banjir kilat

## Anggota polis, DBKL ke lokasi bersih longkang tersumbat

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Anggota polis dari Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur dan petugas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bukan sahaja mengawal lalu lintas, malah turut membersihkan longkang tersumbat bagi melancarkan aliran air yang tersumbat di beberapa laluan di bandar raya ini berikutan hujan lebat pagi semalam.

Ketua JSPT Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Sarifudin Mohd Salleh, berkata seramai 60 pegawai dan anggota berada di lokasi dinaiki air berikutan hujan lebat sejak jam 11 pagi hingga 1 tengah hari semalam.

"Di Jalan Ampang berhampiran pusat beli-belah KLCC, hujan lebat menyebabkan banjir kilat selama 30 minit apabila saluran longkang tersumbat.

"Anggota JSPT bersama petugas DBKL di kawasan itu berusaha mencari lubang yang tersekat dengan batu dan objek keras sebelum mengorek, sekali gus membolehkan air keluar dengan lancar," katanya kepada *BH* semalam.

Sarifudin berkata, antara laluan dinaiki air disebabkan saluran air tersumbat adalah di Jalan Ampang dan Jalan Dang Wangi.

"Pegawai dan anggota kita sedaya upaya mengorek lubang yang tersumbat untuk melancarkan laluan air bagi membolehkan setiap laluan berkenaan digunakan kembali seperti biasa.

"Berdasarkan pemantauan, kita mendapati air naik sehingga dua kaki, namun keadaan kini terkawal," katanya.

JSPT juga mengawasi lokasi lain yang turut dinaiki air seperti Jalan Duta Mas 2; Jalan Ipoh, Chow Kit dan lorong Balai Putra menuju ke Jalan Sultan Azlan Shah.

Semua pegawai dan anggota JSPT sentiasa berada dalam keadaan bersiap-sedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan, terutama ketika hujan lebat dan waktu puncak.

Sehingga jam 1 tengah hari semalam, keadaan banjir dilaporkan dalam keadaan terkawal.



*Anggota JSPT mencari saluran air tersumbat di Jalan Ampang, semalam.* (Foto ihsan PDRM)




*Keadaan banjir kilat di Jalan Sultan Azlan Shah.* (Foto ihsan PDRM)







# Drivers hog parking bay for disabled in city centre

IRRESPONSIBLE motorists habitually park at a bay meant for the disabled in Lorong Dataran Wangsa in Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

During *StarMetro*'s visit, a car was double-parked in front of a bay meant for the disabled at a clinic.

A passer-by claimed the marking on the bay had faded, making it less visible to motorists.

"It should be repainted and signage put up to inform motorists that it is meant for the disabled," he said.

Nor Syahira Md Zin said she saw a family with someone using a wheelchair having to park elsewhere when visiting the clinic because of the motorists' irresponsible actions.




A car double-parked in front of a bay meant for the disabled at Lorong Dataran Wangsa in Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Azra Rizal Noor Azman said Kuala Lumpur City Hall officers would patrol the area before the movement control order.

"They would issue summonses, but that stopped during the Covid-19 pandemic and I have not seen them since.

"There are also motorcycles parked on the five-foot-way in front of childcare centres."

Optometry shop worker Nor Izzati Mohd Nazim said the two-lane road could only accommodate one-way traffic.

"This is because many vehicles park on the road shoulder.

"DBKL personnel sometimes clamp the tyres of cars parked illegally but the problem persists," she said. — **By FARID WAHAB**

Starmetro. 26/5/22 (Thu) - pg: 4

# DBKL sita dua rumah urut tanpa lesen

**Kuala Lumpur:** Dua rumah urut di Taman Connaught, Cheras dan Jalan Klang Lama di sini, disita Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana menjalankan aktiviti tanpa lesen.

DBKL dalam kenyataan di Facebook memaklumkan, sepasukan anggota melakukan serbuan di dua premis berkenaan jam 9 malam kelmarin.

"Ketika serbuan pertama di Taman Connaught, terdapat empat pekerja warga Vietnam bersama seorang penjaga tempatan dan tiga pelanggan berada dalam premis.

"Siasatan mendapati premis berkenaan menjalankan aktiviti rumah urut tanpa kebenaran DBKL. Anggota mengeluarkan kompaun mengikut Undang-Undang Kecil (UKK) 3(1) UKK Perlesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016.

"Premis diambil tindakan sita mengikut Seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, serbuan kedua di premis di Jalan Klang Lama juga mendapati pengusaha menjalankan aktiviti rumah urut tanpa kebenaran.

Malah, katanya, siasatan mendapati ada unsur aktiviti tidak bermoral dijalankan di premis berkenaan.

"Ketika serbuan hanya penjaga premis berada di dalam premis manakala pekerja tiada di lokasi," katanya.

DBKL kemudian mengeluarkan kompaun dan turut menyita premis berkenaan.




ANGGOTA penguat kuasa DBKL menyita rumah urut beroperasi tanpa lesen di Taman Connaught, Cheras dan Jalan Klang Lama.

KOSMO . 26/5/22 (Khamis)
M/S : 18

# Lake Cabin lokasi baharu penggemar aktiviti berbasikal




FADHLUN (lima dari kiri) bergambar pada majlis pelancaran Lake Cabin di Pit Stop @ Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya kelmarin.

**PUTRAJAYA** – Penggemar aktiviti berbasikal kini mempunyai lokasi baharu untuk dikunjungi apabila Lake Cabin di Pit Stop @Anjung Floria, Presint 4 di sini beroperasi secara rasmi mulai semalam.

Tarikan terbaharu itu merupakan sebuah premis pelbagai fungsi yang menawarkan kedai menyewa, menjual dan membaiki basikal termasuk sebuah kafe.

Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadhlun Mak Ujud berkata, Lake Cabin bermatlamat untuk menjadi nilai tambah kepada pembangunan di Putrajaya sebagai bandar rekreasi yang menawarkan kemudahan, ruang dan peluang untuk orang ramai melibatkan diri dalam aktiviti berbasikal.

"Ini adalah produk baharu di Putrajaya dan kepada penggemar aktiviti berbasikal, Lake Cabin adalah *pit stop* untuk mereka.

"Selama ini mereka sering berhenti di merata-rata tempat, tetapi dengan adanya pit stop, mereka yang ingin berbasikal boleh meletak basikal di kawasan khas sambil menikmati sarapan atau secawan kopi sebelum memulakan aktiviti," katanya selepas meninjau pelancaran Lake Cabin di sini kelmarin.

Hadir sama, Pengerusi Trillion Gold Peak Sdn. Bhd., Datuk SM Faisal SM Nasimuddin.

Fadhlun berkata, Lake Cabin juga bakal menjadi pusat penganjuran sebarang aktiviti berkaitan basikal yang akan dianjurkan pada masa akan datang di Putrajaya.

Utusan Malaysia - 26/5/22 (Khamis) - M/S: 32




FADHLUN Mak Ujud (lima dari kiri) bersama SM Faisal SM Nasimuddin (empat dari kanan) di hadapan Lake Cabin di Anjung Floria, Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

# Lake Cabin lokasi baharu penggemar aktiviti berbasikal di Putrajaya

**PUTRAJAYA:** Penggemar aktiviti berbasikal kini mempunyai lokasi baharu untuk dikunjungi apabila Lake Cabin di Pit Stop @ Anjung Floria, Presint 4, di sini beroperasi secara rasmi bermula semalam.

Tarikan terbaharu itu merupakan sebuah premis pelbagai fungsi yang menawarkan kedai menyewa, menjual dan membaiki basikal termasuk sebuah kafe.

Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadhlun Mak Ujud berkata, Lake Cabin bermatlamat menjadi nilai tambah kepada pembangunan di Putrajaya sebagai bandar rekreasi dengan menawarkan kemudahan, ruang dan peluang untuk orang ramai melibatkan diri dalam aktiviti berbasikal.

"Ini adalah produk baharu di Putrajaya dan kepada penggemar aktiviti berbasikal, Lake Cabin adalah pit stop untuk mereka.

"Selama ini mereka (sering) berhenti di merata tempat, tetapi dengan adanya pit stop, mereka yang ingin berbasikal boleh memarkir kenderaan mereka di sini sambil menikmati sarapan atau secawan kopi sebelum memulakan aktiviti," katanya ketika ditemui pemberita selepas meninjau pelancaran Lake Cabin, di sini semalam.